

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri / W.P.</b>	<b>Jumlah Struktur</b>
Johor	2,665
Kedah	945
Kelantan	628
Melaka	517
N.Sembilan	691
Pahang	989
Perak	1,456
Perlis	1,48
P.Pinang	800
Sabah	1,288
Sarawak	1,005
Selangor	3,900
Terengganu	780
W.P. K.Lumpur	1,476
W.P. Labuan	61
W.P. Putrajaya	57
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>17,406</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TEO KOK SEONG  
[ RASAH ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) jumlah terkini pengundi di 222 kerusi Parlimen berdasar kerusi Parlimen dan komposisi kaum; dan
- (b) apakah usaha SPR untuk memastikan setiap kawasan Parlimen atau DUN mempunyai bilangan pengundi yang seimbang.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 13,622,143 orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menyediakan perincian maklumat daftar pemilih berdasarkan kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;

**SULIT**

- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Sekian. Terima kasih.